

13 AUG 1996

MISI DAGANAGN SINGAPURA LAWAT MALAYSIA BULAN INI

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Misi dagangan dan pelaburan Singapura yang diketuai oleh Presiden Persekutuan Industri Singapura (SGI) Datuk Robert Chua berada di sini kerana lawatan tiga hari untuk mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Misi 100 ahli itu mengandungi ketua pegawai eksekutif, wakil perniagaan kanan 69 syarikat Singapura dari Lembaga Kemajuan Perdagangan Singapura (TDB) dan SCI, dan juga wakil media.

Misi itu telah dianjurkan oleh TDB dan SCI dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura, ia bertujuan untuk mengenal pasti pasaran baru bagi syarikat Singapura, demikian menurut kenyataan TDB yang dikeluarkan hari ini.

Delegasi itu akan mengadakan dialog yang berasingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) juga akan memberi taklimat kepada misi tersebut berkaitan dengan promosi eksport, skim bantuan pembangunan pasaran, dasar pelaburan dan peluang perniagaan bagi syarikat Singapura.

Ketua Pegawai Eksekutif TDB Barry Desker menyatakan "melalui misi tersebut TDB berharap untuk menjadikan Singapura rakan dagangan Malaysia yang terbesar."

Malaysia adalah rakan dagangan Singapura yang terbesar sejak tahun 1994. Dalam tahun 1995, dagangan dua hala antara kedua-dua negara meningkat sebanyak 8.6 peratus kepada S\$59.4 bilion (RM105.7 bilion), dan membabitkan 17.3 peratus dagangan global Singapura.

Menurut MIDA, pelaburan Singapura di Malaysia kebanyakannya adalah dalam sektor pembuatan.

Antara Januari dan Jun 1996, MIDA telah meluluskan 79 projek pelaburan Singapura dalam pembuatan yang membabitkan RM3.25 bilion, terutamanya dalam bidang elektronik, kayu dan logam. -- BERNAMA

MK RIF/sia